

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN *CIMB CLICKS JomPAY Challenge 2023*

1. Kempen "***CIMB Clicks JomPAY Challenge 2023***" ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) ("**CIMB Islamic Bank**"). Setiap sebutan "**CIMB**" di sini merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **jam 00:01 (GMT+8) pada 1 Ogos 2023 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31 Oktober 2023**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"). Tempoh Kempen terdiri daripada tiga (3) bulan kempen seperti yang ditetapkan di bawah ("**Bulan Kempen**"):

Bulan Kempen	Jangka Masa
Ogos 2023	1 Ogos 2023 – 31 Ogos 2023
September 2023	1 September 2023 – 30 September 2023
Oktober 2023	1 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023

3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, semua pelanggan *CIMB Clicks* baharu dan sedia ada yang tidak menjalankan sebarang transaksi pembayaran bil melalui fungsi "**Payments JomPAY**" dalam aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* atau portal perbankan dalam talian *CIMB Clicks* mereka selama enam (6) bulan berturut-turut sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen layak untuk menyertai Kempen ini ("**Peserta Layak**"). Peserta Layak mesti mengekalkan akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i CIMB yang sah dan aktif yang dipautkan dan didaftarkan dengan kemudahan perbankan dalam talian *CIMB Clicks* ("**Akaun Penyertaan**").
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini untuk memenangi Hadiah (selepas ini ditakrifkan di **Klausula 7** di bawah):-
  - (a) Kakitangan atau pekerja CIMB tetap, sementara dan/atau kontrak (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/ atau
  - (b) Pelanggan yang Akaun Penyertaan telah ditamatkan, digantung, dibatalkan atau menjadi dorman dalam Tempoh Kempen; dan/atau
  - (c) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, vendor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau,
  - (d) Pelanggan yang memegang apa-apa akaun dengan CIMB yang delinkuen atau bukan berada dalam keadaan yang baik seperti yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, atau ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (e) Pelanggan perusahaan kecil sederhana/perusahaan perbankan/ komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan keuntungan, kelab, persatuan, koperasi, pertubuhan dan perkongsian profesional; dan/atau

- (f) Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulung, atau sebaliknya mempunyai prosiding perundangan dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
- (g) Individu yang diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal; dan/ atau
- (h) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak jatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas

- 6. Berkaitan dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ini ("**Pemegang Akaun Utama**"). Bagi tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak akan layak untuk menyertai Kempen ini.

### Hadiah

- 7. Peserta Layak berpeluang untuk memenangi hadiah berikut ("**Hadiah**") di bawah Kempen ini:

Kategori Hadiah	Hadiah	Bilangan Pemenang				
<b>Hadiah Penyertaan Awal</b>	15,000 unit Pulangan Tunai RM5 akan dianugerahkan sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar tiba dahulu layan dahulu. <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th>Jenis Mata Wang (RM)</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>15,000</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Mata Wang (RM)	Jumlah	5	15,000	Lima Belas Ribu (15,000) pemenang ( <i>maksimum</i> )
Jenis Mata Wang (RM)	Jumlah					
5	15,000					
<b>Hadiah Utama</b>	6 unit Hadiah Tunai RM500 akan dianugerahkan pada akhir Tempoh Kempen. <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th>Jenis Mata Wang (RM)</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>500</td> <td>6</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Mata Wang (RM)	Jumlah	500	6	Enam (6) pemenang
Jenis Mata Wang (RM)	Jumlah					
500	6					

- 8. Peserta Layak akan layak untuk memenangi maksimum tiga (3) Hadiah Penyertaan Awal dan satu (1) Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

### Mekanik Kempen

- 9. Peserta Layak boleh memenangi Hadiah Penyertaan Awal dan memperolehi penyertaan untuk memenangi Hadiah Utama ("**Penyertaan**") yang dirujuk dalam **Klausa 7** di atas dengan menjalankan transaksi berikut semasa Tempoh Kempen: -

Kategori Hadiah	Kriteria Penyertaan
<b>Hadiah Penyertaan Awal</b>	9(a) - Peserta Layak mesti melakukan transaksi pembayaran bil <b>pertama</b> dengan jumlah minimum sekurang-kurangnya RM20.00 melalui <i>JomPAY</i> pada aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> atau portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> dalam Bulan Kempen.  Peserta Layak layak untuk memenangi Hadiah Penyertaan Awal <b>kedua (ke-2)</b> dan <b>ketiga (ke-3)</b> jika mereka kemudiannya melakukan transaksi pembayaran bil <b>kedua (ke-2)</b> dan <b>ketiga (ke-3)</b> dengan jumlah minimum sekurang-kurangnya RM20.00 setiap transaksi melalui <i>JomPAY</i> pada aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i>

	<p>atau portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> dalam Bulan Kempen berikutnya pada Bulan Kempen berikutnya.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan Kempen</th> <th>Jumlah Transaksi (RM)</th> <th>Jumlah Hadiah Penyertaan Awal</th> <th>Catatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ogos 2023</td> <td>50.00</td> <td>1 Hadiah sahaja</td> <td></td> </tr> <tr> <td>September 2023</td> <td>10.00</td> <td>Tidak Berkenaan</td> <td>Tidak layak untuk Hadiah Penyertaan Awal kerana jumlah transaksi hendaklah sekurang-kurangnya RM20.00 setiap transaksi</td> </tr> <tr> <td>Oktober 2023</td> <td>Menjalankan dua (2) RM20.00 transaksi dalam satu bulan</td> <td>1 Hadiah sahaja</td> <td>Layak untuk satu (1) Hadiah Penyertaan Awal sahaja dalam setiap Bulan Kempen</td> </tr> </tbody> </table> <p>Peserta Layak layak kepada maksimum satu (1) Hadiah Penyertaan Awal dalam setiap Bulan Kempen, tertakluk kepada ketersediaan Hadiah Penyertaan Awal. Dengan kata lain, Peserta Layak mungkin layak untuk mendapat maksimum tiga (3) Hadiah Pemberian Awal sepanjang Tempoh Kempen.</p> <p>Kriteria Penyertaan ini tertakluk kepada peruntukan dalam <b>Klausa 15</b> di sini.</p>	Bulan Kempen	Jumlah Transaksi (RM)	Jumlah Hadiah Penyertaan Awal	Catatan	Ogos 2023	50.00	1 Hadiah sahaja		September 2023	10.00	Tidak Berkenaan	Tidak layak untuk Hadiah Penyertaan Awal kerana jumlah transaksi hendaklah sekurang-kurangnya RM20.00 setiap transaksi	Oktober 2023	Menjalankan dua (2) RM20.00 transaksi dalam satu bulan	1 Hadiah sahaja	Layak untuk satu (1) Hadiah Penyertaan Awal sahaja dalam setiap Bulan Kempen
Bulan Kempen	Jumlah Transaksi (RM)	Jumlah Hadiah Penyertaan Awal	Catatan														
Ogos 2023	50.00	1 Hadiah sahaja															
September 2023	10.00	Tidak Berkenaan	Tidak layak untuk Hadiah Penyertaan Awal kerana jumlah transaksi hendaklah sekurang-kurangnya RM20.00 setiap transaksi														
Oktober 2023	Menjalankan dua (2) RM20.00 transaksi dalam satu bulan	1 Hadiah sahaja	Layak untuk satu (1) Hadiah Penyertaan Awal sahaja dalam setiap Bulan Kempen														
<b>Hadiah Utama</b>	<p>9(b) - Peserta Layak mesti menjalankan transaksi pembayaran bil dengan jumlah minimum sekurang-kurangnya RM20.00 setiap transaksi selama <b>tiga (3) Bulan Kempen berturut-turut</b> melalui JomPAY di aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> atau portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> sepanjang Tempoh Kempen untuk memperolehi Penyertaan <b>untuk menyertai dalam memenangi Hadiah Utama</b>.</p> <p>Kriteria Penyertaan ini tertakluk kepada peruntukan dalam <b>Klausa 16</b> di sini.</p>																

Transaksi pembayaran bil melalui JomPAY yang disebutkan di atas selepas ini akan dirujuk sebagai **"Transaksi Layak"**.

10. Untuk kejelasan, transaksi pembayaran bil melalui *JomPAY* dengan satu jumlah kurang daripada RM20.00 tidak akan layak untuk dianggap sebagai Transaksi Layak.
11. Peserta Layak boleh melakukan Transaksi Layak melalui mana-mana pengebil yang disenaraikan di bawah fungsi **"Payment JomPAY"** dalam aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* atau portal perbankan dalam talian *CIMB Clicks*.

12. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak untuk dianggap sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.
13. Penjejakan Transaksi Layak mestilah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
14. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembayaran yang dibuat oleh Peserta Layak melalui gerbang pembayaran dalam talian FPX elektronik dan/ atau saluran pembayaran lain melalui aplikasi mudah alih dan/atau laman web luaran lain (iaitu pembayaran bukan melalui aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* atau portal perbankan dalam talian *CIMB Clicks*) tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini.

## Pemilihan Pemenang

### 15. Hadiah Penyertaan Awal

- (a) Peserta Layak yang menjalankan Transaksi Layak mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausula 9(a)** di atas layak untuk memenangi Hadiah Penyertaan Awal. Kesemua 15,000 Hadiah Penyertaan Awal diberikan berdasarkan dasar “tiba dahulu layan dahulu” dan penerima Hadiah Penyertaan Awal hendaklah selepas ini dirujuk sebagai “**Pemenang Hadiah Penyertaan Awal**”.
- (b) Setiap Peserta Layak berhak untuk menerima sehingga tiga (3) Hadiah Penyertaan Awal, tertakluk kepada ketersediaan dan mengikut cara yang dinyatakan di sini.
- (c) Jika Pemenang Hadiah Penyertaan Awal tidak mencukupi pada akhir Tempoh Kempen, CIMB boleh mengikut budi bicara mutlaknya melucuthakkan Hadiah Penyertaan Awal yang tidak diberikan kepada atau dianugerahkan kepada mana-mana Peserta Layak.

### 16. Hadiah Utama

- (a) Pada akhir Tempoh Kempen, sistem CIMB akan menyenarai pendek senarai pemenang Hadiah Utama yang berpotensi dengan jumlah Penyertaan tertinggi daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperoleh Penyertaan menurut **Klausula 9(b)** di atas dalam Tempoh Kempen (“**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**”).
  - (b) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas.
  - (c) Tertakluk kepada **Klausula 17** di bawah, enam (6) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama yang membalas SMS dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang Hadiah Utama**”). Untuk mengelakkan keraguan, hanya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang mempunyai alamat e-mel dan nombor mudah alih yang sah yang dikekalkan dalam rekod CIMB akan layak untuk memenangi Hadiah Utama di bawah Kempen ini.
  - (d) Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang akan dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim tersebut hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
  - (e) Jika Pemenang Hadiah Utama tidak dipilih atas apa jua sebab, proses pemilihan yang ditetapkan di **Klausula 16(i) hingga (iv)** di atas akan diulangi sehingga terdapat sejumlah enam (6) Pemenang Hadiah Utama dipilih untuk Kempen ini.
17. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak bagi memastikan alamat e-mel dan nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini, dan Peserta Layak hendaklah mengemas kini dan memaklumkan kepada CIMB jika terdapat sebarang perubahan pada alamat e-mel dan/atau nombor mudah alih. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang alir daripadanya) yang dialami atau atas

sebarang kegagalan untuk memenuhi pengkreditan Hadiah sekiranya kerugian atau kegagalan adalah disebabkan oleh alamat e-mel dan nombor mudah alih Peserta Layak bukanlah terkini atau tepat.

18. Pada masa pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Penyertaan Awal (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**"), Akaun Penyertaan mereka (a) MESTI berada dalam keadaan yang baik; dan (b) MESTILAH TIDAK memungkirkan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; dan (c) MESTILAH TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan ("*attachment*"), perintah bertentangan ("*adverse order*") yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; delinkuen dan/ atau tidak sah atau dibatalkan dalam apa-apa cara seperti yang mungkin ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen. Jika tidak, Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang di bawah Kempen ini.

### Pemenuhan Hadiah

19. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang (seperti yang mungkin dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya) dalam enam (6) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
20. Pemenang yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman sebelum pengkreditan Hadiah tidak akan layak untuk menerima Hadiah di bawah Kempen ini.
21. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran berbeza dengan nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah beliau ke akaun CIMB beliau yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
22. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang tentang kemenangan beliau pada akhir Tempoh Kempen melalui: (a) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my); atau (b) mel elektronik; atau (c) SMS kepada nombor mudah alih Pemenang yang dikekalkan dengan CIMB; atau (d) pemberitahuan semerta; atau (e) sebarang cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.
23. CIMB merizabkan haknya untuk melucuthakkan mana-mana Hadiah yang dianugerahkan di bawah Kempen ini sekiranya terdapat pembalikan pembayaran bagi Transaksi Layak.
24. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk sebarang fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan hendaklah menjadi liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
25. Dengan menerima Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Pemenang bersetuju untuk menahan CIMB dan sekutunya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang berkaitan dengan:-
  - (a) penyertaan dalam Kempen; atau
  - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah, oleh mereka.
26. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

### Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

27. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - (a) dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;

- (b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - (c) mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - (d) bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - (e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - (f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
    - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - ii. kegagalan elektrik;
    - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - iv. apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
    - v. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
28. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah:-
- (a) Peserta Layak telah memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan;
  - (b) Akaun Penyertaan telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan ("*attachment*"), perintah bertentangan ("*adverse order*") yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
  - (c) Akaun Penyertaan adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
29. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
- (a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
  - (b) bertindak memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
30. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- (a) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - (b) notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - (c) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - (d) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
31. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- (a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - (b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau eDM oleh Peserta Layak
- melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
32. (a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:

- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - v. apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- (b) Pindaan hendaklah akan dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- (c) Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- (d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikut sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
33. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
34. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB disebabkan oleh:
- (a) penyertaan dalam Kempen; dan/atau
  - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
  - (c) kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini,
- Peserta Layak.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- (a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - (b) dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Penyertaan dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Kempen ini yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
36. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain berkenaan di mana CIMB adalah tertakluk.
37. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.
38. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.
39. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak terkluk pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka telah mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
40. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak telah ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan telah ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Pelanggan Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.

41. (a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:

**Alamat:** Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710  
Wilayah Persekutuan

**No. Telefon:** +603 6204 7788

**Alamat E-mel:** CRU@cimb.com

- (b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

**Akaun Semasa/Simpanan/-i CIMB adalah dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**